

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**

**KAWASAN : LENGGONG**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kawasan serta jalan raya yang dipilih bagi proses penurapan jalan dengan menggunakan getah beku sebagai bahan tambahan dan bilakah ia akan digunakan secara meluas.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang melaksanakan kajian penggunaan getah beku sebagai bahan campuran asfalt untuk turapan jalan. Kajian ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Getah Malaysia (LGM) melalui pemeteraian Memorandum Perjanjian (MOA) yang ditandatangani pada 24 Jun 2015.

MOA tersebut telah mencadangkan 5 lokasi bagi melaksanakan projek perintis pembinaan jalan getah. Salah satu daripada lokasi kajian tersebut ialah di Jalan Persekutuan 10 (FT10), Jalan Gemas – Rompin, Negeri Sembilan yang telah disiapkan pada Disember 2015 lalu. Manakala 4 lagi projek perintis – iaitu masing-masing satu di Kedah, Pahang, Kelantan dan Selangor (lokasi belum ditentukan) – dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini. Pada masa ini JKR dan LGM sedang memantau lokasi yang telah disiapkan (Jalan Gemas – Rompin), iaitu menganalisis data prestasi turapan jalan berkenaan berbanding dengan menggunakan kaedah turapan secara konvensional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan getah beku sebagai bahan campuran asfalt dalam turapan jalan akan diperluaskan ke lokasi-lokasi lain di seluruh negara, tertakluk kepada hasil keputusan analisis 5 projek perintis yang sedang dan akan dijalankan itu.

Sekian, terima kasih.